



GALERI MEDIA SERBANIKA

No.28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

Ruj: GMSB/HR/KONTRAK/SMH/30

Tarikh: 01 Disember 2024

Kepada

PUAN SALMAH MAT HUSAIN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Puan,

SURAT MAKLUMAN TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa kontrak pekerjaan puan sebagai Wartawan Kelantan akan tamat pada 31 Disember 2024, seperti yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak yang lepas.

Sehubungan dengan itu, puan diminta untuk memastikan segala tugas dan tanggungjawab yang berkaitan diselesaikan sebelum tarikh tamat perkhidmatan. Puan juga diminta untuk menyerahkan segala dokumen atau aset syarikat sekiranya ada, kepada pihak yang berkenaan.

Pihak kami ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala sumbangan, komitmen, dan dedikasi puan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Usaha dan kerjasama yang diberikan selama ini sangat dihargai dan meninggalkan impak yang bermakna kepada organisasi.

Kami mendoakan yang terbaik untuk puan dalam fasa kehidupan yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

AHMAD FADHLI BIN SHAARI

Ketua Pegawai Eksekutif

Sk Ketua Pegawai Operasi
Bahagian Kewangan
Fail